

Jumaat, 7 Februari 2020 | 4:42pm



KAPAL tangki ditahan kerana disyaki menyeludup diesel di Limbang. NSTP/Erika George

## 6 ditahan seludup diesel bernilai RM240,000

Oleh Erika George  
cnews@nstp.com.my

**LIMBANG:** Pasukan Gerakan Am (PGA) Limbang menahan sebuah kapal tangki minyak yang sarat dengan muatan 100,000 liter diesel bernilai RM240,000 dalam serbuan di sebuah kawasan pengumpulan kayu balak di Jalan Kubong, petang semalam.

Pegawai Memerintah Batalion 12 Pasukan Gerakan Am (PGA) Miri, Superintendant Tan Hiap Seng mengesahkan, serbuan yang dijalankan itu turut menahan enam lelaki tempatan berusia 27 hingga 52 tahun dipercayai pekerja di kawasan pengumpulan balak berkenaan.

"Semasa tangkapan dijalankan kesemua suspek adalah seorang juragan dan lima anak kapal sedang mengepam stok bekalan diesel terbabit dari bahagian dek kapal ke sebuah gudang tidak bernombor berhampiran Sungai Kubong," katanya.

Katanya, hasil semakan turut mendapati juragan kapal terbabit gagal mengemukakan dokumen berkaitan perolehan dan pembelian ke atas diesel yang dibawa.

Adalah difahamkan kapal terbabit turut disita sebagai bahan bukti kes.

"Kesemua suspek dan barang rampasan akan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Limbang untuk tindakan lanjut," katanya.

Kes ini akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana gagal mengemukakan dokumen berkaitan perolehan dan pembelian ke atas diesel yang dibawa.

